

**SOALAN NO. : 55**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk membanteras masalah pencemaran Sungai Klang di kawasan Parlimen Puchong dan sama ada tindakan akan diambil terhadap pihak-pihak bertanggungjawab.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencemaran di Sungai Klang di kawasan Parlimen Puchong adalah berpunca daripada aktiviti pengumpulan besi buruk haram, industri serta kegiatan pembuangan sampah haram di kawasan Petaling Jaya Selatan 3 dan Petaling Jaya Selatan 4, Petaling Jaya dan di tebing Sungai Klang di Lembah Kinrara.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa memantau punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas terhadap ketidakpatuhan.

Pada tahun 2013, 1 kompaun dan 2 notis arahan telah dikeluarkan kepada premis-premis terbabit kerana gagal mematuhi peruntukan di bawah AKAS 1974.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN : 56**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]**  
minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah peranan  
Kementerian dalam membantu meningkatkan penglibatan kaum  
Bumiputera dalam industri maritim di dalam negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sektor maritim merupakan satu sektor yang sangat luas ruang lingkupnya. Dalam konteks Kementerian Pengangkutan, antara sektor utama yang terlibat adalah perkapalan dan pelabuhan.

Dalam sektor perkapalan, pengenalan dan pelaksanaan Dasar Kabotaj adalah merupakan antara perkara utama yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan bagi meningkatkan penglibatan rakyat atau syarikat Malaysia termasuklah kaum Bumiputera. Dasar ini menghadkan pengangkutan barang dan penumpang termasuklah penyediaan perkhidmatan di perairan Malaysia dan Zon Ekonomi Eksklusif kepada kapal-kapal berpendaftaran Malaysia sahaja. Pemilikan kapal berpendaftaran Malaysia hendaklah oleh rakyat Malaysia atau syarikat yang mempunyai sekurang-kurangnya 51% pegangan saham oleh rakyat Malaysia. Secara tidak langsung, penglibatan kaum bumiputera turut terangkum di dalam pelaksanaan dasar ini ke arah memantapkan lagi sektor perkapalan domestik.

Tambahan pula, pelaksanaan aktiviti perkapalan domestik tersebut memerlukan individu/syarikat pemilik kapal untuk memperolehi Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL) daripada Kementerian Pengangkutan. Bagi menggalakkan penglibatan kaum Bumiputera dalam sektor perkapalan domestik, tempoh DSL yang lebih panjang akan diberikan kepada individu/syarikat pemilik kapal berpendaftaran Malaysia yang mempunyai penglibatan bumiputera sekurang-kurangnya 30% masing-

masing di dalam Lembaga Pengarah, pemilikan ekuiti dan kakitangan pejabat.

Bagi sektor pelabuhan pula, salah satu syarat yang dimasukkan dalam perjanjian penswastaan pelabuhan persekutuan adalah operator pelabuhan perlu memastikan bahawa pelaksanaan kontrak dengan pihak ketiga sama ada antarabangsa dan tempatan yang merangkumi pembekalan barang dan perkhidmatan serta kerja perlu melibatkan penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya 30%.